



MAJLIS PERBANDARAN KOTA SAMARAHAN KENYATAAN TENDER SEMULA

(1) Tender adalah dipelawa daripada kalangan kontraktor-kontraktor yang mempunyai jenis pendaftaran yang ditetapkan serta mempunyai tempoh pendaftaran yang sah bagi kerja seperti dibawah adalah dipelawa untuk menyertai tender semula berikut :-

Bil.	No. Tender	Tajuk Tender	Pendaftaran	Bayaran Dokumen	Jenis Tawaran	Taklimat / Lawatan Tapak (Wajib)
I	MPKS/ENG/T/50/2025 (R)	Penyelenggaraan Kemudahan Sukan Dan Rekreasi:- Di Taman Rekreasi Halaman Samarahan, Taman Rekreasi Merdang Limau Lorong 1F6, Taman Rekreasi Samarindah Lorong 1, Taman Rekreasi Uni Media Lorong 6A Dan Taman Rekreasi Merdang Gayam Lor 3A3 (Re-Tender).	UPKJ Kelas: F Kepala: VI Subkepala: 5a , 5b, 6 (KERJA) Dan mempunyai Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	Bayaran Dokumen RM50.00 (Tidak dikembalikan)	Terbuka / Bumiputera	-
II	MPKS/ENG/T/52/2025 (RMK12) (R)	Pembinaan dan Menaiktaraf Perpustakaan Di Bawah Bidangkuasa Majlis Perbandaran Kota Samarahan :- Di Perpustakaan Awam MPKS (Re-Tender).	UPKJ Bidang Kerja Kelas: D Kepala: II Sub-Kepala: 5(a) 5(b) Dan mempunyai Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)	<i>Security Document / Drawing</i> RM1,000.00 (Dikembalikan) dan Bayaran Dokumen Tender RM100.00 (Tidak dikembalikan))	Terbuka / Bumiputera	TEMPAT: BILIK LATIHAN, TINGKAT BAWAH, PERPUSTAKAAN MPKS. TARIKH: 12 NOVEMBER 2025 (RABU) PENDAFTARAN: 8.30 PAGI. TAKLIMAT: 9.00 PAGI * Hanya penender yang telah menghadiri taklimat dan lawatan tapak layak membeli dokumen.

2. Dokumen Tender boleh diperolehi pada waktu pejabat (*mengikut waktu kaunter pembayaran beroperasi*) setelah pembayaran dilakukan untuk yuran dokumen (pada dan selepas **10 November 2025 - ISNIN**) dalam bentuk wang tunai dan hanya dijual kepada kontraktor yang sah dan mengikut syarat-syarat yang ditetapkan.

3. Untuk tender **no. II**, Kontraktor mesti mengemukakan cagaran dokumen berjumlah **RM1000.00** dalam bentuk *Banker's Cheque* atau *Bank draft* dibuat atas nama "**Majlis Perbandaran Kota Samarahan**" semasa membeli dokumen tender. Cagaran dokumen akan dikembalikan sepenuhnya kepada semua pembida yang gagal setelah penerimaan tender.

4. Kontraktor / wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis hendaklah membawa sijil pendaftaran **ASAL** serta salinannya yang telah diakui **SAH** yang dikeluarkan oleh Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding (**UPKJ**) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (**CIDB**) semasa membeli dokumen.

5. Dokumen tender yang dikemukakan harus disertakan dengan dokumen-dokumen seperti berikut:-

- Sijil Pendaftaran Perniagaan (salinan yang telah disahkan);
- Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan UPKJ (salinan yang telah disahkan) dan;
- Sijil Pendaftaran Kontraktor dengan CIDB (salinan yang telah disahkan).

Kegagalan berbuat demikian, Jawatankuasa Tender Majlis berhak menolak tawaran tender.

6. Dokumen tender yang sempurna diisi hendaklah dimeteraikan dengan menggunakan sampul surat yang diatasnya bertanda **SULIT** dan ditulis dengan jelas **TARIKH TUTUP, NOMBOR TENDER** serta **TAJUK TENDER** dan perlu dimasukkan ke dalam peti tender beralamat seperti berikut:-

Setiausaha Perbandaran,
Majlis Perbandaran Kota Samarahan
94300 Kota Samarahan

7. Tarikh tutup bagi tender di atas adalah pada **21 NOVEMBER 2025 (JUMAAT)** jam **11.00 pagi** dan sebarang dokumen tender yang diterima selepas masa yang ditetapkan akan ditolak.

8. Tempoh sah laku tender hendaklah **90 hari** dari tarikh tutup.


9. Majlis Perbandaran Kota Samarahan tidak terikat untuk menerima tawaran tender yang terendah atau mana-mana tawaran.

10. Notis tender ini juga boleh dilayari di laman web <https://mpks.sarawak.gov.my>

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"

'Smart City, Greater Future'


(GUSTIAN BIN HAJI DURANI)
Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Kota Samarahan



Tarikh Diterbitkan: 7 NOVEMBER 2025 (JUMAAT)

s.k.: 1. Tuan Residen Bahagian Samarahan. 2. Pegawai Daerah Bahagian Samarahan 3. Jurutera Bahagian, JKR Samarahan.
4. Jurutera Bahagian, DID Samarahan. 5. Akauntan, MPKS 6. MPKS Notice Board. 7. Fail.